Walaupun telah banyak tumpuan diberikan kepada kedua-dua jenis ayat tersebut, kajian ini masih memilih dua ayat *voice* pasif tersebut sebagai tumpuan kajian memandangkan masih terdapat beberapa isu yang masih menimbulkan persoalan dan memerlukan penelitian lanjut. Sebagai contoh, sungguhpun rumus preskriptif telah dikemukakan bagi kedua-dua jenis ayat pasif itu oleh Nik Safiah Karim et al. (2008), dan dijelaskan berulang kali dalam 70 artikel tatabahasa dalam majalah *Pelita Bahasa* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 2000 hingga Januari 2016, terdapat beberapa aspek sintaksis tentang kedua-dua struktur binaan ayat tersebut yang masih menimbulkan tanda tanya dan memerlukan kajian lanjut.

Satu daripada kemosyikilan yang ditimbulkan oleh pengguna bahasa ialah mengapakah ayat pasif *di-KK* yang mempunyai FD_{AGEN} KGND 1 dan 2 adalah tidak gramatis? Isu ini merupakan isu pertama tentang binaan ayat pasif *di-KK* yang akan dikaji secara lanjut dalam kajian ini. Berikut diperturunkan kemosyikilan yang dihadapi oleh pengguna bahasa tentang ayat pasif *di-KK* yang dialamatkan kepada editor ruangan Tanya Jawab dalam majalah *Pelita Bahasa*.

- (3) *Saya sangat lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Saya ingin mendapatkan penjelasan editor tentang jawapan yang tuan berikan pada bulan Oktober yang lalu, sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Loy Hui Theng.*
 1. *Kuih itu dimakan oleh saya. Mengapakah ayat ini dikatakan salah dari segi struktur?*
 2. *Anjing itu dipukul oleh Ali. Adakah ayat ini betul atau salah?*

(Tanya Jawab, 2000, ms. 48)

Daripada jawapan bertulis yang disiarkan, editor ruangan tersebut tidak menjawab soalan mengapa ayat (1) *Kuih itu dimakan oleh saya* dalam paparan (3) tidak gramatis. Editor hanya menjawab bahawa terdapat dua bentuk ayat pasif bahasa Melayu, iaitu ayat pasif diri pertama dan kedua, dan ayat pasif diri ketiga (Tanya Jawab, 2000, ms. 48). Penjelasan tersebut tidak memperlihatkan bukti linguistik mengapa ayat *Kuih itu dimakan oleh saya* adalah salah dari segi struktur. Jawapan tersebut merupakan pencetus mengapa bentuk binaan ayat pasif *di-KK* memerlukan penelitian lanjut berdasarkan bukti linguistik.

Bagi isu-isu seterusnya, kajian ini akan meneliti isu yang masih timbul tentang perlakuan sintaksis kedua-dua binaan ayat tersebut berdasarkan hasil sorotan kajian lepas. Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dipaparkan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, skop dan limitasi kajian, kepentingan kajian dan cadangan organisasi bab tesis dibincangkan.

1.1 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas bagi kajian ini dibuat berdasarkan buku-buku tatabahasa bahasa Melayu yang utama, buku-buku teori generatif, artikel jurnal, dan tesis sarjana dan kedoktoran. Semasa meneliti bahan-bahan tersebut, perbincangan tentang dua binaan ayat, iaitu ayat dengan kata kerja berawalan *di-* (ayat *di-KK*) dan ayat \emptyset -*KK* diberikan perhatian. Perlu dijelaskan di sini bahawa istilah ayat *di-KK* merangkumi (a) binaan ayat pasif *di-KK* (yang berstruktur FD_{TEMA} + (Kala) + *di-KK* + ((*oleh*) + FD_{AGEN}), dan (b) ayat yang berstruktur FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK*. Perbincangan tentang kedua-dua jenis binaan ayat tersebut memperlihatkan bahawa masih terdapat beberapa isu yang belum dijelaskan dan menimbulkan tanda tanya.

Bagi ayat *di-KK*, terdapat tiga isu utama, iaitu: (a) kontroversi kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK*, (b) kegramatisan ayat *di-*

KK(-nya) + FD_{TEMA}, dan (c) ayat berstruktur FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK* tanpa AGEN. Dua isu utama tentang ayat Ø-KK ialah kontroversi kehadiran FD_{AGEN} diri ketiga dalam ayat Ø-KK, manakala isu kedua ialah isu *voice* bagi ayat Ø-KK yang berstruktur FD_{TEMA} + FD_{AGEN} + Ø-KK, dan FD_{AGEN} + Ø-KK + FD_{TEMA}.

Oleh itu, kelima-lima isu yang dinyatakan di atas akan diperincikan berdasarkan sorotan kajian lepas. Pada akhir perbincangan setiap isu tersebut, beberapa isu utama yang menjadi fokus kajian ini dikemukakan.

1.1.1 Kontroversi Ayat Pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2

Penelitian terhadap struktur binaan ayat pasif *di-KK* daripada pelbagai perspektif memperlihatkan terdapat beberapa isu yang masih belum disepakati oleh para sarjana dan penyelidik bahasa. Isu yang paling menonjol ialah kontroversi kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK*. Kontroversi ini terlihat dalam kajian tentang kekerapan dan kesalahan penggunaan struktur binaan ayat pasif *di-KK* dalam kalangan pengguna bahasa yang ditimbulkan oleh Abdul Hamid Mahmood dan Inderbir Kaur (1995), Alisjahbana (1986), Asraf (1989a), Awang Sariyan (1980, 1984, 1989), Farid M. Onn (1983b), Lutfi Abas (1989), Nik Safiah Karim (1986, 1988, 1992, 2003) dan Ong Ching Guan (2009). Sebelum perbincangan diteruskan, struktur binaan ayat pasif *di-KK* yang mematuhi rumus preskriptif diperturunkan dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3

*Ayat Pasif *di-KK* berdasarkan Rumus Preskriptif Nik Safiah Karim et al. (2008)*

Ayat (4)	FD _{TEMA}	FK	FP oleh + FD _{AGEN} (Diri ketiga)	FAdv	Sumber ayat
a.	Rumah itu	diduduki	oleh mereka.		ms. 572
b.	Kuih itu	dibeli	olehnya.		ms. 283
c.	Barang itu	sudah diambil	oleh Ali / Ali	semalam.	ms. 490
d.	Harta orang kaya itu	diperkacang	oleh warisnya.		ms. 214
e.	Tugasnya	tidak diabaikan	oleh pegawai itu.		ms. 148

Berdasarkan ayat pasif *di-KK* (4) yang terpapar dalam Jadual 1.3, rumus preskriptif Nik Safiah Karim et al. (2008) hanya membenarkan kehadiran argumen luaran diri ketiga, iaitu FD_{AGEN} KGND 3 *mereka*, dan *-nya*; KN khas *Ali*; dan FD am *warisnya*, dan *pegawai itu*.

Daripada buku-buku tatabahasa bahasa Melayu, artikel dan kajian ilmiah yang disoroti, terdapat sekelompok sarjana bahasa yang mengemukakan ayat pasif *di-KK* dengan argumen luaran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 sebagai ayat yang gramatis. Jadual 1.4 dan Jadual 1.5 mempamerkan pendirian kelompok sarjana bahasa tersebut.

Jadual 1.4

Ayat Pasif di-KK dengan Argumen Luaran FD_{AGEN} KGND 1 oleh Sarjana Bahasa Melayu

Ayat (5)	FD _{TEMA}	FK	FP [oleh + FD _{AGEN}]	Sumber ayat
a.	Kain	dijual	(oleh) saya.	Abdullah Hassan, 1974, ms. 106
b.	Sepatu itu	digosok	oleh saya.	Asmah Haji Omar, 1976, ms. 15
c.	Roti itu	dimakan	oleh saya.	Asmah Haji Omar & Rama Subbiah, 1968, ms. 47
d.	Mobil itu	dicuci	oleh saya.	Buha Artonang, Mangantar Napitupulu, & Wati Kurniawati, 2000, ms. 102
e.	Buku itu	dibaca	(oleh) saya.	Chung, 1976b, ms. 61
f.	Bola itu	ditendang	oleh saya.	Lee Jae Kwon, 1999, ms. 81
g.	Pensel budak itu	telah diambil	oleh saya.	Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994, ms. 241
h.	Kereta itu	dipandu	oleh saya.	Willett, 1993, ms. 19
i.	Nasi	dimakan	oleh aku / olehku.	Lutfi Abas, 1975, ms. 350
j.	Roti itu	dipotong	oleh kami.	Asmah Haji Omar, 1976, ms. 15
k.	Gudeg Yogyakarta	sangat disukai	oleh kami.	Dardjowidjojo, 1978, ms. 198
l.	Mobil itu	dapat diperbaiki	(oleh) kita.	Chung, 1976b, ms. 61

Jadual 1.5

Ayat Pasif di-KK dengan Argumen Luaran FD_{AGEN} KGND 2 oleh Sarjana Bahasa Melayu

Ayat (6)	FD _{TEMA}	FK	FP [oleh + FD _{AGEN}]	Sumber ayat
a.	Kain	dijual	(oleh) awak.	Abdullah Hassan, 1974, ms. 106
b.	Tingkap itu	ditutup	oleh kamu.	Asmah Haji Omar & Rama Subbiah, 1968, ms. 47
c.	Tingkap itu	belum dibuka	oleh kamu.	Asmah Haji Omar, 1976, ms. 15
d.	Surat	dikirim	oleh engkau.	Lutfi Abas, 1975, ms. 350
e.	Bukunya	telah diambil	oleh engkau.	Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994, ms. 241
f.	Adikku	bisa diajak	oleh saudara / anda.	Dardjowidjojo, 1978, ms. 153

Dalam data empirikal kajian ini yang terdiri daripada akhbar elektronik *Utusan Online*, cerpen *BH Online*, novel, majalah *Dewan Kosmik* dan prosiding, didapati bahawa penutur jati bahasa Melayu menggunakan ayat pasif *di-KK* yang mempunyai argumen luaran FD_{AGEN} diri ketiga (sebagaimana yang dikemukakan dalam rumus preskriptif), dan FD_{AGEN} KGND 1 serta KGND 2. Pemerhatian tersebut terlihat berdasarkan beberapa ayat korpus⁴ yang dikemukakan dalam Jadual 1.6. Argumen luaran FD_{AGEN} dicetak tebal.

Jadual 1.6

Ayat Korpus: Ayat Pasif di-KK dengan Argumen Luaran FD_{AGEN} KGND 1, KGND 2 dan Diri Ketiga

Ayat (7)	Ayat korpus		
	FD _{AGEN} KGND 1	FD _{AGEN} KGND 2	FD _{AGEN} Diri 3
a.	“Lebihan bahan letupan telah dikira oleh saya ,” kata saksi itu.	d. “Ini bermakna P27 hanya disahkan oleh kamu sendiri,” kata peguam itu.	g. Ayahnya yang uzur kini dijaga oleh beliau .
b.	“Antara destinasi yang mungkin dikunjungi kami sekeluarga ialah Pangkor, Perak,” jelas artis itu.	e. “Perempuan jalang rasanya lebih sesuai disandang oleh kau! ” kata Qistina.	h. Persepsi ini akan dipegang oleh mereka sehingga dewasa.
c.	Keputusan <i>International Court of Justice</i> itu diterima oleh kita semua.	f. “Saya ingin menarik perhatian saudara berhubung dengan artikel yang ditulis oleh saudara di dalam Pancaindera bertarikh 14 Disember 2008.”	i. Projek itu dibiayai sepenuhnya oleh Maestro Records Sdn. Bhd.

Ayat (5) dan (6) yang dikemukakan oleh sarjana bahasa dan ayat korpus (7) membuktikan bahawa FD_{AGEN} dalam ayat pasif *di-KK* bukanlah semata-mata terhad kepada diri ketiga tetapi turut meliputi KGND 1 dan KGND 2. Hal ini menunjukkan bahawa rumus preskriptif penggunaan ayat pasif *di-KK* tidak dipatuhi secara tegar oleh penutur jati bahasa Melayu.

Permasalahan timbul apabila penggunaan ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dijadikan sebagai isu bahasa yang serius oleh sarjana bahasa

⁴ Semua ayat korpus yang dikemukakan dalam kajian ini dikutip daripada korpus kajian yang dibina oleh pengkaji. Data ayat korpus yang dikutip daripada Korpus DBP dinyatakan sumbernya bagi memastikan ketepatan sumber bagi setiap ayat. Namun, semua ayat tersebut dirujuk sebagai *ayat korpus*.

yang berpegang pada rumus preskriptif seperti Alisjahbana (1986), Asraf (1989a, 1989b, 2007), Awang Sariyan (1980, 1984, 1989, 2005), Farid M. Onn (1983b), Lutfi Abas (1989), Nik Safiah Karim (1986, 1988, 1992, 2003) dan Ong Ching Guan (2009). Dalam hal ini, Nik Safiah Karim (1975, 1992) mendakwa bahawa berlakunya simplifikasi, iaitu proses merombak rumus bahasa secara tidak sedar oleh pengguna bahasa yang bertujuan untuk mencapai keselesaan dalam penggunaan (1975, ms. 141; 1992, ms. 58). Oleh itu, konsep rumus pasif diberikan pengertian baharu, iaitu pasif merujuk *di* + kata kerja + *oleh* + FD tanpa mengira bentuk kata ganti subjek pelaku (1992, ms. 59). Perkara yang sama dinyatakan oleh Farid M. Onn (1983b, ms. 13).

Munsyi Dewan⁵, Abdul Ghalib Yunus (2003a, 2003b) pula berpandangan bahawa masalah yang sering timbul ialah pengguna bahasa tidak dapat membezakan rumus ayat pasif yang melibatkan ketiga-tiga diri orang (2003a, ms. 21) dan pengguna bahasa membuat generalisasi yang tidak tepat [tentang rumus ayat pasif] kerana tidak mengetahui peraturan bahasa (2003b, ms. 12). Kesalahan penggunaan ayat pasif *di-KK* yang ditegur oleh Abdul Ghalib Yunus (2003a, 2003b), Farid M. Onn (1983b), dan Nik Safiah Karim (1992) diperturunkan seperti yang berikut.

- (8) a. *Buku itu telah dipinjam oleh **saya**. (Abdul Ghalib Yunus, 2003b, ms. 13)
b. *Buku itu dibaca oleh **saya**. (Farid M. Onn, 1983b, ms. 13)
c. *Barang itu dibawa oleh **anda**. (Farid M. Onn, 1983b, ms. 13)
d. *Calon itu disokong oleh **kami**. (Farid M. Onn, 1983b, ms. 13)
e. *Burung itu ditangkap oleh **saya/awak**. (Nik Safiah Karim, 1992, ms. 59)

Selain teguran terhadap kesalahan penggunaan ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2, didapati bahawa kesalahan umum yang sering dilakukan oleh para pelajar termasuk penutur jati bahasa Melayu ialah penggunaan

⁵ Munsyi Dewan merupakan penceramah bahasa Melayu yang dilantik khas dan diiktiraf oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk mengendalikan kursus, ceramah dan taklimat bahasa Melayu di sektor awam dan swasta. Satu daripada peranan Munsyi Dewan ialah menjadi pakar rujuk untuk menyelesaikan kemasukan tentang bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014).

ayat pasif *di-KK* yang menyimpang daripada rumus preskriptif. Hal ini terlihat berdasarkan catatan Ketua Pemeriksa, Ketua Pemeriksa Bersama dan Ketua Pasukan mata pelajaran Bahasa Melayu yang dimuatkan dalam *Laporan Prestasi SPM 2003 Bahasa Melayu*, dan *Kupasan Mutu Jawapan SPM 2004, 2008, dan 2010*. Satu contoh catatan tersebut diperturunkan seperti berikut.

“Kesalahan umum yang kerap dilakukan oleh calon dalam penulisan”:

SALAH	BETUL
telah dihadiri oleh saya	telah saya hadiri

Nota. Dipetik daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2010, ms. 15.

Laporan pemeriksa dalam *Kupasan Mutu Jawapan SPM 2008 Bahasa Melayu Kertas 2* mendapati bahawa “calon **tidak dapat mengesan** [dicetak tebal oleh pengkaji] kesalahan ayat pasif diri pertama, iaitu *diperoleh oleh saya*” [dalam soalan 3(d)] (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008, ms. 22). Dapatan daripada laporan pemeriksa SPM 2008 itu didapati berulang apabila calon kumpulan sederhana dalam peperiksaan Bahasa Melayu 2 SPM 2014 mengemukakan ayat (9b) sebagai pembetulan bagi ayat pasif *di-KK* (9a).

- (9a) Sikap profesi yang ditunjukkan oleh pegawai itu amat dikagumi oleh saya.
- (9b) Sikap *profesional* yang ditunjukkan oleh pegawai itu *amat dikagumi saya*. [pembetulan oleh calon kumpulan sederhana dicetak miring]

(Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014, ms. 31)

Ayat (9b) yang dikemukakan itu menunjukkan bahawa calon tidak menilai ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 *saya* sebagai ayat yang tidak gramatis.

Permasalahan menjadi lebih serius apabila para pelajar yang mengemukakan ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 ditanda sebagai ayat tidak gramatis sehingga mengakibatkan mereka mengalami pengurangan markah bahasa yang banyak bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam seperti

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (Nawi Ismail, 2008, ms. 24). Berikut dirumuskan ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 yang kerap dikemukakan oleh pelajar dalam skrip jawapan peperiksaan awam.

Jadual 1.7

Kesalahan Ayat Pasif di-KK yang Kerap Dilakukan oleh Pelajar dalam Peperiksaan Awam

FD _{AGEN}	Ayat pasif <i>di-KK</i>
KGND 1	*Sayur-sayuran di belakang rumah mesti disiram oleh saya setiap petang. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2007, ms. 14)
	*Wang gaji yang diperoleh oleh saya setiap bulan dibelanjakan secara berhemah dan bakinya disimpan di dalam bank. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008, ms. 23)
	*Perkara yang diperkatakan oleh saya ini seharusnya diberikan perhatian. (Nawi Ismail, 2009, ms. 39)
	*Masalah itu telah dapat diatasi oleh kami melalui rundingan. (Raminah Sabran, 2004, ms. 38)
	*Pertandingan menulis esei itu telah disertai oleh kami . (Roslan Daud, 2012, ms. 23)
KGND 2	*Kerjasama yang diberikan oleh kita mendapat penghargaan daripada pihak atasan. (Raminah Sabran, 2004, ms. 38)
	*dilihat oleh engkau . (Abdul Ghalib Yunus, 2001, ms. 43)
	*Kerja yang tertangguh itu mestilah disiapkan oleh awak sendiri. (Raminah Sabran, 2004, ms. 38)
	*Buku saya telah dipinjam oleh anda pada minggu lepas. (Abdul Ghalib Yunus, 2004, ms. 42; Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003, ms. 46)

Kesalahan ayat pasif *di-KK* yang disenaraikan dalam Jadual 1.7 mempunyai persamaan dengan dapatan daripada beberapa kajian ilmiah yang mengkaji kesalahan ayat yang dihasilkan oleh pelajar. Kajian ilmiah tersebut disenaraikan seperti yang berikut.

Jadual 1.8

Kajian Ilmiah tentang Kesalahan Ayat yang Dihasilkan oleh Pelajar

Kesalahan ayat yang dihasilkan oleh pelajar:	Penyelidik
Tingkatan 3	Teoh Boon Seong dan Abdul Hamid Mansor (1991)
Tingkatan 5	Md. Isa Hassan (1993)
Tingkatan 6 Bawah	Jais Sahok (1990)
Calon STPM	Raminah Sabran (2004)
154 orang pelajar mahasiswa yang memperoleh keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat SPM dan STPM	Koh Boh Boon (1989)

Rumusan daripada kesemua kajian ilmiah tersebut ialah pelajar termasuk penutur jati bahasa Melayu menggunakan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK*. Sebagai bukti, peratus pelajar Melayu yang melakukan kesalahan bagi ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam kajian Teoh Boon Seong dan Abdul Hamid Mansor (1991) dan kajian Md. Isa Hassan (1993) didapati adalah tinggi sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.9.

Jadual 1.9

Peratus Pelajar Melayu yang Melakukan Kesilapan Ayat Pasif di-KK dengan FD_{AGEN} Bukan Diri Ketiga dalam Kajian Teoh Boon Seong dan Abdul Hamid Mansor (1991) dan Md. Isa Hassan (1993)

Ayat pasif <i>di-KK</i> dengan FD _{AGEN} KGND 1 dan KGND 2	Peratus pelajar Melayu yang melakukan kesilapan (%)	
	Md. Isa Hassan (1993)	Teoh Boon Seong dan Abdul Hamid Mansor (1991)
FD_{AGEN} KGND 1		
Nasi itu dimakan oleh saya .	100.0	Tidak berkenaan
Pesakit itu telah diziarahi oleh kami pagi tadi.	Tidak berkenaan	88.9
FD_{AGEN} KGND 2		
Buku itu dibaca oleh engkau semalam.	100.0	Tidak berkenaan
Hutang itu mesti dijelaskan oleh engkau .	Tidak berkenaan	83.3
Tugas ini mesti dipikul oleh awak sendiri.	Tidak berkenaan	94.4

Nota. Ayat dan peratusan dipetik daripada Md. Isa Hassan, 1993, ms. 93; Teoh Boon Seong dan Abdul Hamid Mansor, 1991, ms. 664.

Dalam Jadual 1.9, Md. Isa Hassan (1993) tidak memberikan data peratus bagi kedua-dua ayat yang dikemukakan tetapi beliau mendapati bahawa:

semua murid [penegasan oleh pengkaji] mempasifkan ayat *saya makan nasi* dan *engkau membaca buku itu semalam* menurut peraturan yang ditetapkan dalam pembentukan pasif diri ketiga, iaitu:

- i. *Nasi itu dimakan oleh saya.
- ii. *Buku itu dibaca oleh engkau semalam. (ms. 93)

Frasa “semua murid” diandaikan merujuk 100.0% murid yang terlibat dalam kajian tersebut. Oleh itu, angka 100.0% dimasukkan dalam Jadual 1.9.

Sorotan setakat ini memperlihatkan bahawa kontroversi tentang kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK* masih berlanjutan sehingga kini. Pengguna bahasa Melayu termasuk penutur jati bahasa Melayu didapati masih

menggunakan ayat sedemikian sebagai ayat yang gramatis walaupun telah diajarkan tentang rumus preskriptif bagi ayat pasif *di-KK* di sekolah. Pemerhatian ini merupakan bukti awal bahawa rumus preskriptif bagi ayat pasif *di-KK* perlu diteliti secara ilmiah berdasarkan data ayat yang empirikal, iaitu ayat korpus dan penilaian kebolehenerimaan ayat oleh penutur jati bahasa Melayu.

Kontroversi yang membabitkan ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 turut memperlihatkan bahawa wujud ketidaksepakatan dalam kalangan sarjana bahasa tentang kegramatisan kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK*. Perkara ini pernah ditimbulkan oleh Abdul Hamid Mahmood (1992) dalam kajiannya apabila beliau mendapati bahawa terdapat sarjana bahasa seperti Alisjahbana (1964), Asmah Haji Omar (1985), dan Lutfi Abas (1975) yang menerima kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam ayat pasif *di-KK*. Berikut ialah ayat yang dikemukakan oleh sarjana tersebut sebagaimana yang dibincangkan oleh Abdul Hamid Mahmood (1992, ms. 10-11).

- (10) Ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1
 - a. Ayam itu ditangkap oleh **saya**. (Alisjahbana, 1964, ms. 11)
 - b. Sepatu itu digosok oleh **saya**. (Asmah Haji Omar, 1985, ms. 13)
 - c. Nasi dimakan oleh **aku**. (Lutfi Abas, 1975, ms. 350)
- (11) Ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 2
 - a. Ayam itu ditangkap oleh **engkau**. (Alisjahbana, 1964, ms. 11)
 - b. Roti itu dipotong oleh **kamu**. (Asmah Haji Omar, 1985, ms. 13)
 - c. Tingkap itu belum dibuka oleh **kamu**. (Asmah Haji Omar, 1985, ms. 13)
 - d. Surat dikirim oleh **engkau**. (Lutfi Abas, 1975, ms. 350)

Walaupun isu tersebut ditimbulkan oleh Abdul Hamid Mahmood (1992), beliau tidak mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan permasalahan yang ditimbulkan. Bentuk pasif yang dikemukakan sebagai hasil dapatan kajian beliau masih mengikuti acuan rumus preskriptif, iaitu ayat pasif *di-KK* dikhusruskan untuk FD_{AGEN} diri ketiga. Kajian Abdul Hamid Mahmood juga tidak menjelaskan sebab ayat (10) dan

(11) yang dianggap sebagai ayat pasif *di-KK* yang gramatis oleh sarjana-sarjana bahasa tersebut, merupakan ayat yang tidak gramatis berdasarkan rumus preskriptif.

Pada masa yang sama, kontroversi ini memerlukan penelitian lanjut apabila Guilfoyle, Hung, dan Travis (1992) didapati tidak menawarkan penjelasan teoretis tentang kegramatisan ayat pasif *di-KK* yang menyimpang daripada rumus preskriptif walaupun mereka maklum akan kewujudan dua kumpulan penutur jati bahasa Melayu, iaitu penutur konservatif (golongan yang mematuhi rumus preskriptif) dan penutur liberal (golongan yang menyimpang daripada rumus preskriptif). Sarjana bahasa yang lain seperti Chung (1976b), dan Cole, Hermon, dan Tjung (2006, mengkaji ayat pasif bahasa Jakarta Indonesia) turut menyedari akan percanggahan pandangan sarjana bahasa tentang kehadiran FD_{AGEN} yang gramatis dalam ayat pasif *di-KK*, namun mereka juga tidak menawarkan penjelasan dan pendirian mereka bagi isu tersebut.

Oleh itu, kajian ini berharap dapat memberikan pemerian deskriptif tentang perlakuan sintaksis ayat pasif *di-KK* yang diperhatikan berdasarkan buku-buku tatabahasa bahasa Melayu, artikel, kajian ilmiah, ayat korpus dan dapatan penilaian kebolehtenerimaan ayat oleh penutur jati bahasa Melayu. Bukti linguistik yang diperoleh daripada pemerian deskriptif tersebut diharapkan dapat menawarkan penjelasan tentang kegramatisan dankekangan yang mungkin wujud dalam ayat pasif *di-KK* dengan FD_{AGEN} KGND 1, KGND 2 dan diri ketiga. Dengan penjelasan ilmiah itu, diharapkan kontroversi tentang kehadiran FD_{AGEN} KGND 1 dan KGND 2 dalam binaan ayat pasif *di-KK* dapat dirungkaikan.

1.1.2 Kegramatisan Ayat Berstruktur *di-KK(-nya)* + FD_{TEMA}

Satu daripada isu ayat pasif bahasa Melayu yang telah ditimbulkan dalam beberapa kajian ilmiah ialah kegramatisan struktur binaan ayat *di-KK(-nya)* +

FD_{TEMA}. Ayat berstruktur *di-KK(-nya) + FD_{TEMA}* dianggap sebagai ayat yang gramatis oleh sarjana bahasa seperti Abdul Hamid Mahmood (1992), Arbak Othman (1981), Koh (1990), Nik Safiah Karim (1986), Nomoto dan Shoho (2007), Ramli Md. Salleh (1993), Yeoh Chiang Kee (1979) dan Za'ba (2000). Ayat tersebut diperturunkan sebagai ayat (12) dan (13). Argumen FD_{TEMA} dimiringkan manakala kata kerja pasif *di-* dicetak tebal.

- (12) Ayat berstruktur *di-KK + FD_{TEMA}*
- a. ... maka **diarak(lah)** peti itu ... (Abdul Hamid Mahmood, 1992, ms. 200, 377, data ayat *Sejarah Melayu*)
 - b. "... sudah **dihantar telegram**." (Koh, 1990, ms. 169)
 - c. **Ditendang bola itu** olehnya. **Ditendang bola itu** oleh Ali. (Nik Safiah Karim, 1986, ms. 66)
 - d. ***Dipukul ular itu** oleh Amin. (Lee Jae Kwon, 1999, ms. 190)
 - e. **Dibaca buku itu** oleh Ali. (Nik Safiah Karim, 1975, ms. 123 dan 141; Ramli Md. Salleh, 1993, ms. 926)
 - e'. ***Dibaca buku itu** oleh Ali. (Ramli Md. Salleh, 1993, ms. 926)
 - f. **Dibaca surat itu** oleh Ali. (Za'ba, 2000, ms. 144)
- (13) Ayat berstruktur *di-KK-nya + FD_{TEMA}*
- a. **Dicurinya wang ayah.** (Arbak Othman, 1981, ms. 252)
 - b. "... jelas **didengarnya** kiutan tapaknya di atas titian itu." (Koh, 1990, ms. 169)
 - c. **Diangkatnya peti itu.** (Lewis, 1959, ms. 173; Abdullah Hassan, 1973, ms. 42, 1974, ms. 105)
 - d. **Dikucupnya anak itu.** (Nik Safiah Karim et al., 2008, ms. 440)
 - e. **Dibacanya buku itu.** (Nomoto & Shoho, 2007, ms. 356)
 - f. **Dipukulnya budak itu.** (Yeoh Chiang Kee, 1979, ms. 2; Za'ba, 2000, ms. 147)

Ayat binaan *di-KK(-nya) + FD_{TEMA}* dalam ayat (12c), (12e) dan (13e) dikelaskan sebagai variasi ayat pasif *di-KK* (Nik Safiah Karim, 1975, ms. 141, 1986, ms. 66; Nomoto & Shoho, 2007, ms. 355). Arbak Othman (1981, ms. 252) dan Nik Safiah Karim et al. (2008, ms. 440) pula menyatakan binaan ayat (13a) dan (13d) sebagai ayat pasif songsang dan ayat songsang masing-masing. Hanya Lee Jae Kwon (1999, ms. 190-191) dan Ramli Md. Salleh (1993, ms. 926) yang menyatakan bahawa ayat (12d) dan (12e') masing-masing sebagai ayat yang tidak gramatis.

Ayat korpus (14a-e) dan ayat (14f) yang dikutip daripada *Kamus Dewan* (Edisi keempat, 2005) pula membuktikan bahawa ayat berstruktur *di-KK(-nya)* + FD_{TEMA} merupakan ayat yang berterima dan digunakan oleh penutur jati bahasa Melayu.

- (14) a. **Direbahkan** *badannya* di atas tempat tidurnya.
b. Kerani itu membuka buku di depannya. **Diperhatikan** tulisan di dalam buku itu.
c. **Disikat** *rambutnya* dengan terburu-buru.
d. **Diambilnya** *manguk yang berisi air yang dijampi oleh dukun itu* dan **diangkat** *kepala bapanya.* (Korpus DBP)
e. **Ditutupnya** *piano itu* dengan baik.
f. **Ditendangnya** *pintu rumah itu* dengan sekuat-kuat hatinya. (*Kamus Dewan*, Edisi keempat, 2005, ms. 1650)

Bagi Ramli Md. Salleh (1993), ayat *Dibaca buku itu oleh Ali* merupakan binaan ayat yang menarik kerana ayat tersebut diterima oleh penutur bahasa Melayu sebagai ayat yang gramatis walaupun binaan ayat tersebut memperlihatkan FN [atau FD dalam kajian ini] *buku* [*sic*] tidak perlu berpindah ke posisi subjek (ms. 926). Pandangan Ramli Md. Salleh (1993) didapati sejajar dengan pandangan Yeoh Chiang Kee (1979) dan Koh (1990). Dalam kajian ilmiah beliau, Yeoh Chiang Kee (1979) mendapati bahawa ayat *Dipukulnya budak itu* memberikan cabaran kepada Teori Standard dalam teori generatif kerana subjek terbitan, FD *budak itu* tidak perlu dikedepankan walaupun hubungan tatabahasa FD tersebut telah berubah daripada objek langsung (ms. 2-3). Dalam nada yang sama, Koh (1990) mendapati ayat (12b) dan (13b) merupakan ayat pasif yang bermasalah kerana objek langsung FN [FD_{TEMA} dalam kajian ini] tidak dinaikkan (*promoted*) ke posisi subjek ayat tetapi berada di posisi pasca kata kerja *di-* dan mengikuti secara langsung selepas Pelaku FD yang hadir secara pilihan (ms. 168).

Walaupun Ramli Md. Salleh (1993) mendapati bahawa ayat *Dibaca buku itu oleh Ali* merupakan ayat yang gramatis kerana diterima oleh penutur bahasa Melayu

(ms. 926), secara teoretis, Ramli Md. Salleh (1993, ms. 926) dan Lee Jae Kwon (1999, ms. 190-191) menyatakan bahawa ayat (15) yang mempunyai binaan *di-KK* + FD_{TEMA} merupakan ayat yang tidak gramatis.

- (15) a. ***Dibaca buku itu** oleh Ali. (Ramli Md. Salleh, 1993, ms. 926)
b. ***Dipukul ular itu** oleh Amin. (Lee Jae Kwon, 1999, ms. 190)


Secara teoretis, ayat (15a) tidak gramatis disebabkan FD *buku* [*sic*] harus berpindah ke posisi awal ayat untuk menduduki posisi subjek dan seterusnya memperoleh Kasusnya sama ada secara struktural atau daripada kata kerja bantu yang menduduki posisi selepas subjek⁶ (Ramli Md. Salleh, 1993, ms. 926). Aspek Kasus juga merupakan intipati dapatan kajian Lee Jae Kwon (1999). Beliau berhujah bahawa ayat (15b) tidak gramatis berdasarkan Teori Kuasaan dan Tambatan kerana FD *ular itu* tidak boleh berada di posisi selepas kata kerja pasif *di-KK*, dan posisi tersebut tidak membolehkan FD *ular itu* memperoleh Kasus dan sekali gus melanggar prinsip Tapisan Kasus⁷ (Lee Jae Kwon, 1999, ms. 191). Penjelasan Ramli Md. Salleh (1993) dan Lee Jae Kwon (1999) tentang ketidakgramatisan ayat (15) digambarkan dalam rajah pohon⁸ yang berikut. Bagi memudahkan perbincangan, rajah pohon berikut menggunakan ayat (15b) yang dikemukakan semula sebagai ayat (16).

⁶ Ramli Md. Salleh (1993) menerangkan bahawa kata kerja bantu dinaungi oleh nodus fleksi dan salah satu justifikasi kewujudan nodus fleksi ialah penandaan Kasus Nominatif (ms. 926). Kata fleksi dianalisis sebagai kata kala dalam tesis ini bersesuaian dengan analisis Program Minimalis.

⁷ Prinsip Tapisan Kasus menyatakan bahawa semua FN [atau FD] nyata mesti diberikan Kasus abstrak (Haegeman, 1994, ms. 167).

⁸ Ramli Md. Salleh (1993) dan Lee Jae Kwon (1999) tidak mengemukakan rajah pohon dalam penjelasan mereka. Penjelasan mereka hanya menyebut tentang nodus FI [yang digantikan dengan FKala]. Rajah pohon kajian ini turut memasukkan nodus FKOMP.

(16) ***Dipukul ular itu** oleh Amin. (Lee Jae Kwon, 1999, ms. 190)



Rajah 1.1. Representasi dalaman dan luaran ayat (16). Nota. *e* = empty atau kosong.

Rajah 1.1 memperlihatkan bahawa FD_{TEMA} *ular itu* masih kekal berada di posisi pasca kata kerja pasif *dipukul*. Di posisi tersebut, Lee Jae Kwon (1999) mengandaikan bahawa FD_{TEMA} *ular itu*¹⁰ tidak dapat memperoleh Kasus kerana morfologi pasif *di-* diandaikan sebagai kata kerja meresap Kasus, iaitu morfologi pasif *di-* secara serentak meresap Kasus yang telah diberikan oleh kata kerja *pukul* kepada FD_{TEMA} *ular itu* pada struktur-D (ms. 150, 191). Dengan kata lain, kata kerja pasif *dipukul* diandaikan tidak dapat memberikan Kasus kepada FD_{TEMA} *ular itu* apabila FD tersebut berada di posisi pasca *di-KK*. Oleh itu, berdasarkan kerangka

⁹ Perincian lapisan FK bagi kata kerja pasif *dipukul* tidak digambarkan dalam rajah pohon bagi memudahkan perbincangan.

¹⁰ Dalam penjelasan Lee Jae Kwon (1999), beliau merujuk *ular itu* sebagai FD tanpa menyatakan peranan tematik yang dipegang oleh argumen FD tersebut.

Teori Kuasaan dan Tambatan, Lee Jae Kwon (1999) merumuskan bahawa ayat (16) merupakan ayat yang tidak gramatis kerana tidak memenuhi Prinsip Tapisan Kasus apabila FD *ular itu* masih berada di kedudukan asal, iaitu selepas kata kerja pasif *di-* (ms. 191). Namun, binaan ayat tersebut, iaitu (a) *di-KK + FD_{TEMA} + (oleh + FD_{AGEN})*, diterima sebagai binaan ayat yang gramatis oleh penutur bahasa Melayu (sebagaimana yang dinyatakan oleh Ramli Md. Salleh, 1993, ms. 926) dan (b) *di-KK(-nya) + FD_{TEMA}* dikemukakan oleh sarjana bahasa Melayu sebagai ayat yang gramatis. Kedua-dua binaan ayat sedemikian turut ditemui dalam korpus.

Perbincangan setakat ini memperlihatkan bahawa wujud percanggahan tentang kegramatisan binaan ayat *di-KK(-nya) + FD_{TEMA}* berlandaskan teori tatabahasa generatif dengan kebolehterimaan binaan ayat tersebut oleh penutur jati bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini bersetuju dengan Ramli Md. Salleh (1993) yang berpandangan bahawa struktur binaan ayat *di-KK + FD_{TEMA}* perlu dikaji kerana ayat pasif yang lebih diterima ialah ayat pasif *di-KK* dalam binaan lazim, iaitu *Buku itu dibaca oleh Ali* berbanding ayat *Dibaca buku itu oleh Ali* (ms. 927).

Walaupun sarjana-sarjana bahasa yang disoroti (kecuali Lee Jae Kwon, 1999) menyatakan bahawa ayat *di-KK(-nya) + FD_{TEMA}* merupakan ayat yang gramatis, penjelasan teoretis tidak dikemukakan bagi menjelaskan kegramatisan ayat tersebut. Hanya Ramli Md. Salleh (1993) yang mencadangkan kemungkinan bahawa FD yang hadir pasca *di-KK* memperoleh Kasus daripada kata kerja pasif kerana imbuhan pasif sebagai kepala dalam struktur berimbuhan [iaitu kata kerja pasif *di-KK*] tidak mengubah kategori kata kerja (ms. 927). Penjelasan tersebut bersifat tentatif memandangkan beliau mendapati ayat pasif yang lebih berterima ialah *Buku itu dibaca oleh Ali* berbanding ayat *Dibaca buku itu oleh Ali* (ms. 927).

Ringkasnya, argumen dalaman FD *bola itu* dalam ayat (17a) dan FD *anak itu* dalam ayat (17b) berada di posisi selepas *di-KK(-nya)* dan kelihatan tidak bergerak ke posisi [Spes, FKala]. Namun, ayat tersebut dianggap sebagai ayat yang gramatis oleh sarjana bahasa dan turut ditemui dalam korpus.

- (17) a. **Ditendang** *bola itu* oleh Ali. (Nik Safiah Karim, 1986, ms. 66)
b. **Dikucupnya** *anak itu*. (Nik Safiah Karim et al., 2008, ms. 440)

Permasalahan timbul bagi menerangkan bagaimakah kegramatisan ayat (17) dapat dijelaskan secara teoretis? Jelaslah, ayat pasif *di-KK* (17) dalam struktur binaan *di-KK(-nya)* + FD_{TEMA} memberikan cabaran kepada teori tatabahasa generatif bagi menjelaskan kegramatisan ayat tersebut secara teoretis memandangkan argumen dalaman FD_{TEMA} diandaikan tidak bergerak ke posisi [Spes, FKala] sebagaimana pergerakan argumen dalaman ke posisi [Spes, FKala] yang lazim berlaku dalam ayat pasif *di-KK* di pangkal *Spell-Out*.

1.1.3 Struktur Binaan Ayat FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK* tanpa AGEN

Ayat pasif *di-KK* diterima umum sebagai ayat *voice* pasif tanpa sebarang keraguan oleh ramai sarjana dan ahli bahasa seperti Abdul Hamid Mahmood (1992), Abdullah Hassan (1974, 2002), Arbak Othman (1981), Asmah Haji Omar (1976, 2008, 2009), Asraf (1989b), Chung (1976b), Dardjowidjojo (1978), Guilfoyle, Hung, dan Travis (1992), Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994), Nomoto dan Shoho (2007), Nik Safiah Karim et al. (2008), Voskuil (2000), dan Za'ba (2000). Ayat pasif *di-KK* merupakan struktur ayat pasif yang lazim dalam bahasa Melayu (*canonical passive*). Berikut merupakan contoh ayat pasif *di-KK*. Kata kerja pasif *di-* dicetak tebal.

- (18) a. Buku **dibaca** oleh beliau. (Abdullah Hassan, 2002, ms. 320)
b. Surat itu sudah **diterima** olehnya. (Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994, ms. 239)

- c. Rumah itu **diduduki** oleh mereka. (Nik Safiah Karim et al., 2008, ms. 572)
- d. Buku itu **ditulis** oleh Ahmad. (Arbak Othman, 1981, ms. 103)
- e. Ali **dipukul** (oleh) orang itu. (Chung, 1976b, ms. 59)

Berdasarkan analisis tatabahasa generatif, struktur binaan ayat pasif *di-* yang lazim memperlihatkan argumen dalaman FD_{TEMA} seperti FD *rumah itu* dalam ayat (18c) berada di posisi subjek ayat [Spes, FKala], manakala argumen luaran FD_{AGEN} seperti *mereka* dalam ayat (18c) hadir dalam FP yang dikepalai oleh kata preposisi P *oleh* dan berfungsi sebagai adjung.

Walau bagaimanapun, terdapat satu bentuk binaan ayat yang berstruktur seperti ayat pasif *di-KK* yang lazim tetapi tidak mempunyai FP *oleh* + FD_{AGEN}. Ayat yang dimaksudkan dikemukakan dalam (19). Data ayat berikut dikutip daripada korpus kajian dan Korpus DBP (Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka). Kata kerja pasif *di-* dicetak tebal manakala kata *mudah* dicetak miring.

- (19) a. Logam tulen *mudah ditempa*.
 b. Susu tepung Frisogrow *mudah disediakan*. (Korpus DBP)
 c. Kain koshguard *mudah dibasuh*. (Korpus DBP)
 d. Simen Mascrete Pro *mudah digunakan*.
 e. Setiap langkah permainannya *mudah dibaca*.

Ayat (19) yang dikutip daripada korpus memperlihatkan bahawa ayat yang berstruktur FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK* sememangnya digunakan oleh penutur jati bahasa Melayu. Secara sepantas lalu, ayat (18) dan (19) tidak menunjukkan banyak perbezaan kerana morfem pasif *di-* diimbuhkan pada kata kerja dalam kedua-dua ayat dan argumen dalaman FD_{TEMA} masih berada di posisi subjek ayat, iaitu [Spes, FKala]. Namun, setelah diteliti, ayat (19) mempunyai struktur sintaksis dan pengertian yang tersendiri dan berbeza dengan ayat pasif *di-KK* (18) yang lazim. Dalam perbincangan ini, ayat (18) dikenali sebagai ayat pasif *di-KK* manakala ayat (19) dirujuk sebagai ayat berstruktur FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK* tanpa AGEN.

Penelitian pengkaji terhadap ayat (19) sebenarnya tercetus daripada beberapa karya ilmiah dan kajian lepas tentang struktur argumen bagi kata kerja dan jenis kata kerja yang menentukan binaan sesuatu ayat. Hal ini terlihat daripada penjelasan Haegeman dan Gueron (1999) bagi pasangan ayat berikut.

- (20) a. John washes these shirts.
b. These shirts wash *easily*.

(Haegeman & Gueron, 1999, ms. 481)

Dalam ayat (20a), kata kerja transitif *wash* mempunyai satu argumen luaran FD *John* dan satu argumen dalaman FD *these shirts*. Sebaliknya, ayat (20b) yang dikenali sebagai ayat *middle-formation* memperlihatkan bahawa argumen dalaman FD *these shirts* merupakan subjek ayat manakala argumen luaran FD *John* tidak dizahirkan (Haegeman & Gueron, 1999, ms. 481). Walaupun kata kerja transitif *wash* hadir dalam ayat (20a) dan (20b), maksud kedua-dua ayat tersebut didapati berbeza dan sekali gus mempengaruhi *voice* ayat tersebut. Ayat (20a) merupakan ayat *voice* aktif manakala ayat (20b) dikategorikan oleh Alexiadou dan Doron (2012), Doron (2015), Kemmer (1993) dan Payne (2011) sebagai ayat *middle voice*.

Selain istilah ayat *middle-formation* oleh Haegeman dan Gueron (1999), istilah lain yang digunakan bagi merujuk struktur binaan ayat bahasa Inggeris seperti ayat (21) ialah: (a) *middle*, atau *middle construction* (Carnie, 2013; Cook & Newson, 2007; Culicover, 1997; Ouhalla, 1999; Palmer, 1980; Payne, 1997, 2006), dan (b) *dispositional middles* (Alexiadou & Doron, 2012). Kajian ini menggunakan istilah *dispositional middle*. Berikut dikemukakan ayat *dispositional middle* yang dikemukakan oleh para sarjana bahasa tersebut. Kata adverba dicetak miring.

- (21) a. This book sells *well*. (Alexiadou & Doron, 2012, ms. 4)
b. The soft bread cuts *easily*. (Carnie, 2013, ms. 352)
c. This sweater washes *well*. (Miller, 2002, ms. 154)
d. Bureaucrats bribe *easily*. (Ouhalla, 1999, ms. 175)
e. These trousers wear *well*. (Payne, 2006, ms. 248)

Didapati bahawa kata adverba *well* dan *easily* hadir secara konsisten dalam ayat *dispositional middle*. Kata adverba tersebut hadir selepas kata kerja transitif *sell*, *cut*, *wash*, *bribe*, dan *wear*.

Ayat *dispositional middle* juga hadir dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Belanda dan bahasa Jerman. Perhatikan contoh ayat berikut. Glos asal dikekalkan dalam ayat (22) dan (23).

(22) Bahasa Belanda

- a. Zo'n stuk zingt gemakkelijk.
such.a piece sings easily

(23) Bahasa Jerman

- a. Das Buch liest sich leicht.
the book reads REFL easily
- b. Der Stoff wäscht sich leicht.
the fabric washes REFL easily

(Lekakou, 2006, ms. 168)

Sebagaimana yang diperhatikan, kata adverba *gemakkelijk* dalam bahasa Belanda, dan *leicht* dalam bahasa Jerman wajib hadir [dalam ayat (22) dan (23) masing-masing] bagi memastikan kedua-dua ayat tersebut gramatis (Lekakou, 2006, ms. 168). Kesimpulannya, ciri sintaksis yang dikongsi oleh ayat (21), (22) dan (23) ialah argumen dalaman FD_{TEMA} berada di posisi subjek dan diikuti oleh kata kerja aktif. Kata adverba *easily*, *well* dalam bahasa Inggeris, *gemakkelijk* dalam bahasa Belanda, dan *leicht* dalam bahasa Jerman didapati wajib hadir dalam ayat-ayat tersebut.

Ayat *dispositional middle* (24) didakwa oleh Alexiadou dan Doron (2012) membawa pengertian *dispositional reading* (ms. 14), atau *disposition ascription* (Lekakou, 2006, ms. 174). Pertimbangkan ayat *dispositional middle* (24) dan maksud ayat tersebut.

(24) This bread cuts easily ...

(Bahasa Inggeris)

- i. ... in virtue of its texture.
ii. *... in virtue of the sharpness of the knife.

(Lekakou, 2006, ms. 175)

Dispositional reading dalam ayat *dispositional middle* (24) terlihat pada penjelasan yang dikemukakan oleh Lekakou (2006). Beliau menjelaskan bahawa maksud ayat (24) ialah ‘roti itu mudah dipotong disebabkan oleh tekstur roti tersebut dan bukannya disebabkan oleh ketajaman pisau’ (ms. 175). Penjelasan ini menunjukkan bahawa ayat *dispositional middle* mengungkapkan *dispositional reading* yang merujuk secara khusus kepada sifat atau ciri inheren yang ada pada argumen dalaman yang menyebabkan perbuatan yang diungkapkan oleh suatu kata kerja mudah dilaksanakan atau sebaliknya. Secara sintaksis, argumen dalaman dizahirkan di posisi subjek ayat dalam binaan ayat *dispositional middle*.

Apabila maksud *dispositional* dalam ayat (24) diungkapkan dalam bahasa Melayu, didapati bahawa bahasa Melayu menggunakan kata *mudah* dan *di-KK* seperti yang dipamerkan dalam ayat (25b).

- (25) a. This bread cuts easily. (Lekakou, 2006, ms. 175)
b. Roti itu *mudah dipotong*.

Ayat (25b) mempunyai struktur binaan FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK*.

Satu lagi ciri sintaksis ayat *dispositional middle* bahasa Inggeris yang diperhatikan oleh Culicover (1997), Haegeman dan Gueron (1999), Ouhalla (1999), dan Payne (2006) ialah ayat *dispositional middle* bahasa Inggeris tidak membenarkan penzahiran argumen luaran FD_{AGEN}. Beberapa contoh ayat *dispositional middle* bahasa Inggeris diperturunkan seperti yang berikut.

- (26) a. The bureaucrats bribe *easily* (*by ordinary citizens). (Culicover, 1997, ms. 94)
b. These trousers wear *well* (*by women). (Payne, 2006, ms. 248)
c. Chomsky’s books read *easily* (*by psychologists). (Payne, 2006, ms. 248)

Namun, ayat korpus bahasa Melayu memperlihatkan bahawa argumen luaran FD_{AGEN} boleh dizahirkan dalam struktur binaan ayat FD_{TEMA} + *mudah* + *di-KK*. FD_{AGEN} dizahirkan melalui FP *oleh*. Berikut diperturunkan beberapa ayat korpus.